

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**  
**(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN OLEH KDEB**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila nyatakan setakat ini bagaimakah prestasi kutipan sampah oleh KDEB.
  - b) Sila nyatakan setakat ini bagaimakah prestasi kerja-kerja pembersihan oleh KDEB.
  - c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang KNS dalam konteks mempertingkatkan mutu perkhidmatan kutipan dan pembersihan sampah.

**JAWAPAN:**

- (a) dan (b) dijawab bersekali

Berdasarkan pemerhatian, KDEBWM dilihat begitu serius dalam memastikan kejayaan pelaksanaan model baharu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berdasarkan mandat yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Sepanjang pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di tiga (3) PBT berkaitan, terdapat trend penurunan yang signifikan dari aspek statistik aduan seperti yang ditunjukkan di Lampiran 1.

Trend ini menunjukkan terdapat peningkatan keyakinan rakyat terhadap pengurusan sisa pepejal oleh PBT yang terlibat. Dari segi jumlah kutipan sisa pepejal pula, lebih banyak sisa pepejal domestik dikutip (anggaran 650 – 700 tan sehari) melalui penggunaan aset yang terkini dan mencukupi. Secara purata, jumlah tan sisa pepejal (domestik dan pukal) yang dikutip di setiap PBT yang telah dilaksanakan perkhidmatan KDEBWM (3 PBT) adalah sebanyak 15,384 tan/bulan pada tahun 2017. Dengan lori kompaktor dan lori RORO yang baru serta dilengkapi dengan teknologi yang baru dan sistem kerja yang teratur, jumlah sampah yang dikutip meningkat dari semasa ke semasa.

- c) Antara fokus utama Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat adalah melalui penstrukturkan semula pengurusan sisa pepejal dan meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkenalkan KDEBWM sebagai *Project Management Company (PMC)* yang bertanggungjawab sebagai pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor. Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meluluskan perluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menggunakan modus operandi yang sama selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Kerajaan Negeri turut merancang untuk memperluaskan perkhidmatan PMC ke lain-lain PBT pada masa akan datang.

# STATISTIK ADUAN UNTUK TEMPOH

## JANUARI – DISEMBER 2017 DI KAWASAN PELAKSANAAN KDEBWM

Bulan	KLANG			AMPANG			SELAYANG			
	Kutipan Domestik	Pembersihan Awam	Jumlah	Kutipan Domestik	Pembersihan Awam	Jumlah	Kutipan Domestik	Kutipan Pukal	Jumlah	
Januari	40	Masih di bawah MPK	40	Masih di bawah MPAJ				Masih di bawah MPS		
Februari	49		49							
Mac	108	0	108	225	Masih di bawah MPAJ	225	1,190	110	1,300	
April	19	2	21	27		27	324	117	441	
Mei	18	2	20	10		10	245	126	371	
Jun	7	1	8	6		6	109	22	131	
Julai	9	14	23	12		12	74	11	85	
Ogos	8	2	10	10		10	35	1	36	
September	16	3	19	6		6	21	45	66	
Oktober	10	8	18	3		3	15	19	34	
November	4	0	4	1		1	17	4	21	
Disember	11	4	15	4		126	130	19	35	
<b>JUMLAH</b>	<b>299</b>	<b>36</b>	<b>335</b>	<b>304</b>		<b>126</b>	<b>430</b>	<b>2,046</b>	<b>474</b>	<b>2,520</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PELAN INDUK PEMBANGUNAN PERTANIAN SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah cadangan penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang untuk sektor tanaman padi?
  - b) Apakah teknologi dan pendekatan yang disyorkan untuk mencapai objektif ini?

**JAWAPAN:**

- a) Melalui dapatan kajian yang telah selesai dilaksanakan oleh Institut Kajian Dasar Pertanian Makanan (IKDPM), Universiti Putra Malaysia (UPM), beberapa strategi telah dicadangkan untuk dilaksanakan dan ianya merangkumi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang.

i. **Pelan Jangka Pendek**

- 1) Pengorganisasian golongan pesawah dalam perusahaan sosial;
- 2) Persijilan MyGAP berkelompok;
- 3) Penggunaan mesin jentanan (*transplanter*);
- 4) Penggunaan kepersisian mudah seperti carta warna daun;
- 5) Mewujudkan program makanan untuk sekolah;
- 6) Mewujudkan tanaman sampingan seperti tanaman cendawan jerami; dan
- 7) Pendidikan pemasaran bagi mendapatkan harga yang lebih baik.

ii. **Pelan Jangka Panjang**

- 1) Penguatkuasaan MyGAP ke atas produk pertanian dalam Negeri Selangor menjelang 2020;
  - 2) Membangun, menanam dan memasarkan varieti tahan penyakit dengan produktiviti tinggi;
  - 3) Penanaman padi secara semulajadi (*natural farming*).
  - 4) Mempromosikan jualan beras menggunakan kaedah layan diri; dan
  - 5) Menghasilkan beras yang mempunyai nilai artisan seperti beras Bario.
- b) Bagi mencapai objektif tersebut, penggunaan teknologi serta pendekatan yang disyorkan adalah seperti berikut :-
- i. Menggalakkan penggunaan mesin jentanan secara meluas di mana kaedah tersebut boleh membantu mengurangkan penularan perosak dan patogen serta ianya boleh meningkatkan produktiviti hasil padi;
  - ii. Penggunaan *drone* bagi kerja-kerja pembajaan dan meracun perosak di mana dengan penggunaan teknologi tersebut dengan secara meluas ianya boleh mengurangkan kos untuk kerja-kerja tersebut jika dilaksanakan secara manual; dan
  - iii. Mengaplikasikan penggunaan konsep pertanian perisir yang mudah seperti penggunaan carta warna daun di mana jika terdapat serangan awal penyakit, perbezaan warna daun berbanding carta warna daun dapat dikesan awal oleh pesawah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : TABUNG AMANAH PENDIDIKAN UNISEL (TAU)**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah kriteria dan sasaran bagi Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pendidikan UNISEL (TAU) kepada pelajar-pelajar?
  - b) Berapakah peruntukan yang disediakan?
  - c) Jumlah pelajar yang mendapat manfaat?

**JAWAPAN:**

- a) Apakah kriteria dan sasaran bagi Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pendidikan UNISEL (TAU) kepada pelajar-pelajar?**

1. Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor belum menetapkan sebarang bentuk tabung bantuan di UNISEL. Walaupun begitu, UNISEL telah mengambil inisiatif menubuhkan Tabung Amanah Pendidikan UNISEL (TAU) bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan.

2. Sasaran TAU adalah menjaga kebajikan pelajar dan membantu mereka mengurangkan beban kewangan bagi menyara diri ketika belajar, membeli buku dan membeli bahan-bahan untuk keperluan kursus. Bantuan ini menunjukkan UNISEL di bawah Kerajaan Negeri sangat prihatin membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan.

3. Pada masa hadapan UNISEL bercadang untuk menubuhkan Yayasan UNISEL, yang memberi penekanan kepada kebajikan pelajar dan pembangunan pendidikan.

4. TAU menetapkan kriteria berikut untuk memberikan sumbangan:

  - i. **Pelajar Islam** : Bagi pelajar yang beragama Islam, mereka yang dalam kalangan keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah, kategori asnaf dan penerima Zakat diberikan keutamaan menerima bantuan;

- ii. **Bukan Islam** : Bagi pelajar bukan Islam, mereka yang dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah RM3,000 ke bawah dan menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pengajian diberikan keutamaan menerima bantuan;
5. Pada 2 Mac 2018, TAU telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan kepada pelajar-pelajar daripada pelbagai latar belakang dan kaum yang memerlukan bantuan. Majlis telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman, Presiden & Naib Cancelor.

**b) Berapakah peruntukan yang disediakan?**

Pihak TAU belum mengemukakan sebarang permohonan mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Pada masa ini bantuan yang diberikan kepada pelajar adalah sumbangan yang diterima daripada staf dan pihak luar.

**c) Jumlah pelajar yang mendapat manfaat.**

Jumlah pelajar tidak dihadkan tetapi bergantung pada jumlah sumbangan yang diterima daripada staf dan pihak luar. Seramai 232 orang pelajar telah menerima sumbangan yang telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Bin Othman, Presiden & Naib Cancelor, dalam Majlis Penyampaian Sumbangan pada 2 Mac 2018 yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENCEROBOHAN HUTAN BAKAU**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Berapakah keluasan kawasan hutan simpan bakau yg telah di cerobohi di sepanjang pantai di negeri Selangor.
  - b) Apakah usaha untuk memulihkan semula hutan yg telah musnah akibat pencerobohan tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2017, terdapat 20 kes kesalahan hutan yang melibatkan penebangan dan kecurian kayu jaras bakau berjaya dikesan berlaku di kawasan Hutan Paya Laut (Hutan Simpanan Kekal) di sepanjang pantai di negeri Selangor. Daripada 20 kes tersebut, jumlah kayu jaras bakau yang telah ditebang adalah sebanyak 4,811 batang dan jumlah keluasan kawasan hutan bakau (HSK) yang diceroboh hanyalah dianggarkan lebih kurang 4.00 ha sahaja.
- b) Bagi kawasan-kawasan yang diceroboh, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) akan memulihkan kawasan-kawasan hutan bakau yang terosot dengan aktiviti penanaman semula pokok-pokok bakau dan spesie-spesies pokok yang bersesuaian. Selain itu, JPNS turut menganjurkan program-program kesedaran secara bulanan yang melibatkan penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah, institut pengajian tinggi, masyarakat setempat serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam program menanam pokok-pokok hutan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara-cara yang telah dan boleh diambil oleh kerajaan untuk memulihkan pinjaman usahawan yang diberi oleh Program Hijrah Kerajaan Selangor kepada mereka yang gagal membuat bayaran balik mengikut jadual seperti yang dijanjikan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Hijrah Selangor telah mengambil langkah berikut kepada peserta yang gagal melunaskan pinjaman mengikut jadual.
1. Memberikan peringatan secara lisan dan surat peringatan kepada peserta
  2. Memberikan peringatan berkaitan tunggakan melalui *Blast Message*
  3. Mewujudkan Unit *Call Centre* di peringkat cawangan dan ibupejabat
  4. Memberikan surat amaran kepada peserta
  5. Program Task Force Bersepadu oleh kakitangan Hijrah Selangor
  6. Setelah tamat tempoh bayaran balik, nama penunggak tegar akan diserahkan kepada agen pengutip hutang yang dilantik.
  7. Proses senarai hitam nama peminjam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**  
**(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : SKIM RAWATAN JANTUNG SELANGOR**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan apakah perkembangan terkini skim tersebut?
  - Sila nyatakan apakah kriteria yang ditetapkan?
  - Sila nyatakan apakah sasaran utama program ini bagi meringankan bebanan para pesakit Jantung?

**JAWAPAN:**

**Tuan Speaker,**

**Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no 39 daripada YB Kajang berkaitan Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor.**

Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor telah dilancarkan pada 26 Februari 2018 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Skim ini dikendalikan oleh anak syarikat PKNS iaitu SELGATE Corporation (SELGATE) melalui anak syarikat milikannya iaitu Selcare Management Sdn Bhd (SELCARE) yang akan bertindak selaku Third Party Administrator (TPA). SELCARE bekerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) dalam memberikan rawatan kepada pesakit yang layak. Institut Jantung Negara (IJN) merupakan hospital pakar untuk pesakit jantung di Malaysia. IJN berperanan merawat pesakit jantung yang memerlukan pembedahan koronari, kardiologi dan kes pediatrik. Semua pesakit jantung yang serius dari seluruh negara dirujuk ke IJN bagi mendapatkan rawatan lanjut. Dengan mengadakan kerjasama ini, rakyat Selangor yang berpendapatan rendah akan mendapat rawatan jantung secara percuma yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup. Inisiatif ini amat penting memandangkan kos rawatan untuk pesakit jantung merupakan di antara kos rawatan kesihatan yang tertinggi di Malaysia.

Skim ini terbuka kepada Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Selangor melebihi 10 tahun dan mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih RM8,000 sebulan. Pesakit jantung yang menepati kriteria boleh membuat permohonan kepada pihak SELCARE untuk mendapatkan '*Guarantee Letter*' sebelum mendapatkan rawatan di IJN.

Sehingga 18 Mac 2018, seramai 9 orang pesakit telah menjalani rawatan jantung di bawah program ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM44,132.20. Kerajaan Negeri menyasarkan 500 orang pesakit jantung akan menerima manfaat di bawah program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA**  
**(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : MISKIN BANDAR**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kajian oleh UNICEF baru-baru ini telah mendapati kanak-kanak di kawasan bandar yang berpendapatan rendah mengalami tumbesaran yang terbantut. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor terhadap laporan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar oleh UNICEF diadakan di 16 PPR di sekitar Kuala Lumpur dan 1 PPR di Negeri Selangor. Hasil kajian mendedahkan penemuan berkaitan kemiskinan kanak-kanak dalam pelbagai dimensi terutama mengenai kekurangan zat makanan.
- Merujuk kepada penemuan berkenaan, Kerajaan Negeri sebenarnya telah melaksanakan program-program berikut bagi menangani masalah kanak-kanak dan keluarga miskin di negeri Selangor.

• **Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)**

Bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bagi membantu golongan ibu mendapatkan barang keperluan asas keluarga tanpa tunai melalui pembelian di pasaraya yang telah dikenalpasti dengan nilai RM200.00 sebulan bagi setiap orang. Melalui pelaksanaan program ini, para ibu boleh membuat pembelian ke atas barang yang berkhasiat dan mempunyai nutrisi yang baik bagi membantu tumbesaran kanak-kanak seterusnya dapat membantu perkembangan minda dalam membentuk generasi yang akan datang. Senarai barang yang boleh dibeli di dalam program ini seperti beras, mi atau bihun, roti, biskut, telur, gula, garam, rempah ratus, sos, kicap, tepung, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan, daging ayam, lembu, kambing, ikan, sabun, kelengkapan mandian, bahan pencuci, lampin pakai buang, produk tenusu dan barang persekolahan.

- **Program Smart Selangor Food Stamp**

Bermula Jun 2016 hingga Disember 2017, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Smart Selangor *Food Stamp* yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu meringankan dan mengurangkan beban kos sara hidup yang kian meningkat dari kalangan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah dengan nilai RM50.00 sebulan kepada 100 buah keluarga termiskin dari setiap DUN selama 1 tahun. Selain itu, melalui pemberian bantuan makanan asas ini keluarga berkenaan akan dibekalkan dengan makanan yang sihat seperti beras, minyak masak, gula, tepung, bihun dan susu pekat sekaligus dapat menerima nutrisi yang lengkap untuk proses tumbesaran kanak-kanak yang kian membesar.

- **Skim Peduli Sihat**

Skim PEDULI SIHAT memberi manfaat kepada peserta berkaitan pembiayaan rawatan kesihatan asas menurut kategori Keluarga (Had Pembiayaan RM500.00 setahun, RM50 bagi setiap kali rawatan) dan Individu (Had Pembiayaan RM500.00 setahun, RM50 bagi setiap kali rawatan) di panel klinik yang berdaftar.

- **Bantuan Kewangan**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMN Selangor) menyediakan Skim Bantuan Am bagi membantu keluarga miskin yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM1,500 atau pendapatan perkapita tidak melebihi RM350 sebulan. Kadar Bantuan Am adalah RM250, RM300 dan RM350 sebulan. Bantuan Am ini adalah bertujuan membantu menampung perbelanjaan harian keluarga miskin. Sehingga Februari 2018, penerima Bantuan Am adalah 4,437 kes yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,940,550.00.

- **Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)**

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menubuhkan PAKK di Negeri Selangor. PAKK berfungsi sebagai pusat aktiviti, pusat advokasi, pusat sumber, pusat pembelajaran, pusat intervensi krisis dan pusat sosial dan rekreasi untuk kanak-kanak.

Sebanyak 17 buah PAKK di seluruh Negeri Selangor telah diwujudkan di mana 2 buah PAKK masing-masing berada di PPR Taman Putra Damai dan PPR HICOM.

BIL.	DAERAH	NAMA PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK (PAKK)
1	Petaling	1. PAKK Taman Medan
		2. PAKK Taman Putra Damai
		3. PAKK Shah Alam
		4. PAKK Subang Jaya
2	Klang	1. PAKK Taman Seri Andalas
3	Sabak Bernam	1. PAKK Taman Gemilang
		2. PAKK Taman Perpaduan
4	Gombak	1. PAKK Kg. Bendahara
		2. PAKK Bandar Tasik Puteri
		3. PAKK Hulu Klang
5	Hulu Selangor	1. PAKK Wawasan Gemilang
6	Kuala Langat	1. PAKK Banting
		2. PAKK Kg. Kundang
7	Sepang	1. PAKK Salak Tinggi
		2. PAKK Taman Putra Perdana
8	Kuala Selangor	1. PAKK Kuala Selangor
9	Hulu Langat	1. PAKK Kajang

- **Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) Daerah**

PKKK ditubuhkan di setiap daerah bagi berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan pemuliharan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah atau masalah sosial. Ahli PKKK dilantik daripada golongan masyarakat setempat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kanak-kanak. Selain itu, PKKK turut dianggotai oleh Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Perubatan. Mereka akan membantu Jabatan dalam menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerosakan akhlak dalam kalangan kanak-kanak.

- **Program Selangor Teen Volunteers**

Kewujudan sukarelawan kanak-kanak Negeri Selangor atau dikenali sebagai Selangor *Teen Volunteers* adalah inisiatif bersama antara Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor dan JKMN Selangor. Objektif program adalah:

- i. meningkatkan kesedaran kanak-kanak berkaitan amalan dan nilai murni bagi membentuk peribadi seimbang;
- ii. memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyertai, menyumbang idea dan bagi bagi peningkatan potensi diri;
- iii. menanam sifat tanggungjawab, prihatin dan rasa ingin menolong terhadap masyarakat tanpa mengharapkan balasan;
- iv. memberi galakan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan pandangan secara bertanggungjawab dan beretika bagi merangka program demi kepentingan kanak-kanak.

Kanak-kanak yang terlibat dalam program *Selangor Teen Volunteers* akan lebih terdedah kepada perkhidmatan JKM dan perkara-perkara berkaitan kanak-kanak seperti hak dan isu perlindungan kanak-kanak. Kanak-kanak ini kemudiannya akan menjadi pihak yang akan menyebarluaskan isu hak dan perlindungan kanak-kanak melalui hubungan antara mereka dan rakan-rakan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PELABURAN KELUAR**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Nyatakan secara terperinci jumlah pelaburan yang keluar dari Selangor pada 2017?
  - b) Nyatakan jumlah kehilangan pekerjaan akibat perkara tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan laporan, Jabatan Tenaga Rakyat telah merekodkan sebanyak 16 syarikat yang telah membuat penutupan perniagaan di Selangor seperti berikut;-

Bilangan Syarikat	Pekerjaan	
	Tempatan	Asing
16 syarikat	436	2

- b) Bagi tahun 2017 Jabatan Tenaga Kerja telah merekodkan sebanyak 438 pekerja yang kehilangan pekerjaan disebabkan oleh penutupan syarikat di Selangor yang mana seramai 436 adalah pekerja tempatan dan 2 orang pekerja asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah statistik bilangan rumah Selangorku yang dirancang, dilancarkan, sedang dibina dan siap dibina oleh PKNS?
  - Apakah purata kerugian atau subsidi PKNS bagi setiap rumah Selangorku yang dibina?
  - Berapa peratus hasil jualan PKNS adalah daripada rumah Selangorku?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan Rumah SelangorKu yang Siap Dibina, Sedang Dibina dan Dalam Perancangan oleh PKNS sehingga tahun 2018 dan Purata Subsidi bagi Setiap SelangorKu yang Dibina adalah seperti berikut :

• Projek Telah Siap Dibina

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit	Jumlah Subsidi (RM)
1.	Gombak	Bukit Botak	Rumah Berkembar (850 kps)	1,422	84 juta
		Kota Puteri	Town House 2 Tingkat (900 kps)	198	-
2.	Hulu Langat	Bandar Baru Bangi	Pangsapuri (700-800 kps)	124	12 juta

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit	Jumlah Subsidi (RM)
3.	Hulu Selangor	Antara Gapi	Rumah Teres 1 ½ Tingkat (20' x 60')	129	-
		Antara Gapi	Teres 2 Tingkat	80	-
4.	Petaling	Seksyen U10 Desa Alam <i>(Syarikat Penswastaan PKNS – Debbin Sdn. Bhd)</i>	Pangsapuri (850-900 kps)	104	-
		<b>JUMLAH</b>			<b>2,057</b>
					<b>96 juta</b>

• Projek Dalam Pembinaan

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit	Jumlah Subsidi (RM)
1.	Hulu Selangor	Taman Keruing, Rasa	Teres 2 Tingkat (18' x 60')	66	1.15 juta
2.	Sepang	Selangor Cyber Valley	Pangsapuri 14 & 15 Tingkat (1,000 kps)	864	42 juta
3.	Klang	Kg. jawa, Klang <i>(Anak Syarikat PKNS – Selaman Sdn Bhd)</i>	Pangsapuri 4 Tingkat (700-900 kps)	84	-
		<b>JUMLAH</b>			<b>1,014</b>
					<b>43.15 juta</b>

• Projek Dalam Perancangan Tahun 2018

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit	Jumlah Subsidi (RM)
1.	Gombak	Kota Puteri  Kg. Temenggung (Syarikat Penswastaan PKNS – Rexpoint Resources Sdn. Bhd)	Pangsapuri (1,000 kps)  Teres 2 Tingkat (18' x 60')  Teres 2 Tingkat (20' x 60')  Pangsapuri (750-1,000 kps)	930  140  210  420	-  -  -  -
2.	Hulu Selangor	Bernam Jaya	Teres 2 Tingkat (20' x 60')	100	-
3.	Shah Alam	Seksyen U5, Subang Bestari  (Anak Syarikat PKNS – Worldwide Holdings Bhd)	Pangsapuri (800 & 1,000 kps)  Pangsapuri (1,000 kps)	168  54	-  -
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,022</b>	-		

- b) Sila rujuk di jawapan (a).
- c) Penerimaan jualan projek Rumah Mampu Milik PKNS & peratus berbanding jumlah penerimaan jualan bangunan (harga bebas) PKNS adalah seperti berikut :
  - i. Tahun 2016 : RM22.4 juta @11%
  - ii. Tahun 2017 : RM23.7 juta @11%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : TAPAK MASJID DAN SURAU YANG TELAH DI GAZETKAN**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tapak yang telah di gazetkan di daerah Klang dan di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah tapak yang telah di gazetkan di daerah Klang adalah seperti berikut:

<b>Jenis Tapak</b>	<b>Bilangan</b>
Masjid	55
Surau	60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tiap kali hujan seluruh kawasan Ijok akan menghadapi bencana banjir kilat. Apakah rancangan panjang dan menyeluruh dari Negeri Selangor dan JPS untuk mengatasi masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku di DUN Ijok?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk Makluman, lokasi banjir yang kerap berlaku di kawasan Ijok berpunca daripada beberapa faktor dan pihak JPS telah mengenalpasti beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan dan perlu dirancang oleh semua agensi berkaitan. Berikut adalah perancangan dan cadangan pelaksanaan :-
1. Sistem perparitan di kawasan Ijok perlu diselenggara dengan sempurna. Jabatan dan agensi bertanggungjawab bagi penyelenggaraan parit mengikut fungsi adalah seperti berikut:
    - a) Penyelenggaraan Parit Utama (sistem perparitan tanah) oleh pihak JPS dilaksanakan secara tahunan.
    - b) Parit Sekunder Tanah antara kampung oleh JKKK dilaksanakan secara berkala iaitu sebanyak 3 kali/setahun.
    - c) Longkang Perumahan/Taman dan Longkang konkrit oleh pihak MDKS.
    - d) Parit Tepi Jalan (Road Side Drain) oleh pihak JKR.
  2. Secara Geografi kawasan Ijok merupakan kawasan yang landai. Pemilik Tanah atau Kediaman disarankan untuk meninggikan aras tanah berdasarkan paras bebas banjir.
  3. Pemilik-pemilik tanah juga perlu mendapatkan kelulusan / kebenaran daripada pihak Jabatan bagi membinaan lintasan, jambatan atau pembentung yang merentasi parit untuk memastikan tiada halangan aliran air yang boleh melambatkan arus air parit tersebut.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Pihak JPS juga akan melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh pada tahun ini bagi penyelesaian jangka masa panjang bagi kawasan terkesan dengan banjir iaitu, Kawasan perkampungan Jeram dan kawasan Ijok. Berikut adalah komponen utama RTB Sg. Buloh :-

- a) Melebarkan dan mendalamkan Sg. Buloh
- b) Menaiktaraf Benteng Sungai
- c) Membina Pintu Air di Compartment D1 dan Membina Rumah Pam dan Menaiktaraf Pintu Air sedia ada di Compartment D, Ijok
- d) Membina Pintu Air dan Rumah Pam di Parit BCXYZ di Parit Mahang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : STADIUM SHAH ALAM**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan secara terperinci jumlah pendapatan Stadium Shah Alam dari 2015-2017?
- Apakah kelayakan dan kaedah pemilihan pihak pengurusan Stadium Shah Alam?

**JAWAPAN:**

- Berikut adalah jumlah pendapatan Stadium Shah Alam dari tahun 2015-2017.

Kod	BUTIRAN (SEWAAN)	2015	2016	2017	JUMLAH 2015-2017
		(RM)	(RM)	(RM)	
74301	Sewa Tapak Letak Kereta	971,564.05	1,465,056.78	1,093,450.46	3,530,071.29
74504	Sewa Stadium Malawati	1,209,936.21	1,044,968.34	1,043,043.68	3,297,948.23
74503	Sewa Stadium Utama	2,082,962.77	2,423,619.29	1,988,572.17	6,495,154.23
74506	Sewa Pusat Akuatik	1,074,760.08	911,265.48	957,903.87	2,943,929.43
74509	Sewa E-Treme Park	95,100.00	92,601.60	92,601.60	280,303.20
JUMLAH		5,434,323.11	5,937,511.49	5,175,571.78	16,547,406.38

<b>PENDAPATAN STADIUM UTAMA YANG MASIH BELUM TERIMA PADA TAHUN 2017</b>	
Sukan Sea 2017 (MASOC) – termasuk kerosakan	705,676.00
Persatuan BolaSepak Malaysia *Malaysia U23 vs Melaka United	8,480.00
<b>JUMLAH</b>	<b>714,156.00</b>

b) Berikut adalah kaedah dan pemilihan pihak Pengurusan Stadium Shah Alam.

- Latar belakang pengajur dan syarikat yang kukuh serta stabil.
- Pengajur atau syarikat yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengajuran acara.
- Setuju dengan segala syarat dan peraturan penyewaan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.
- Pengajur atau pemohon yang mempunyai rekod pernah menyewa di Kompleks Sukan Shah Alam.
- Pengajur atau pemohon yang tiada rekod tunggakan penyewaan di Kompleks Sukan Shah Alam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK DAN 20 SEN**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat cara penggunaan kutipan 20 sen beg plastik yang diperolehi oleh peniaga-peniaga? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
  - Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan Kempen Bebas Beg Plastik dan Polisterin memandangkan ada pihak tertentu membantah caj 20 sen?

**JAWAPAN:**

Tuan Speaker,

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 112 (c) daripada YB Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (N55 Dengkil) dan soalan 170 (a) dan (c) daripada YB Tuan Loh Chee Heng (N52 Telok Datok) berkaitan Kempen Bebas Plastik dan Bayaran 20 Sen.

- Kerajaan Negeri menggalakkan peniaga untuk menggunakan kutipan caj 20 sen tersebut bagi melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, para peniaga di Selangor turut melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan seperti:
  - Pembersihan dan mencantikkan Sungai Klang dan program pembersihan pantai;
  - Pengedaran *recycle bag* secara percuma di pasaraya;
  - Kempen kebajikan dan pemberian sumbangan di rumah anak yatim, orang tua dan pertubuhan kebajikan;
  - Menjalankan sumbangan majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan miskin;

- v) Pemberian sumbangan sempena Hari Raya kepada golongan asnaf dan pemberian bubur lambuk secara percuma; dan
  - vi) Sumbangan kepada keluarga miskin sempena perayaan Tahun Baru Cina.
- b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membatalkan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena walaupun ada pihak yang membantah pelaksanaan kempen ini. Ini adalah kerana kempen ini merupakan satu inisiatif yang baik terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan sekaligus memberikan kesan jangka panjang terhadap kebersihan dan kesihatan penduduk di Negeri ini. Malahan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar di mana rakyat kini lebih selesa membawa sendiri *recycle bag* untuk membeli belah.

Selain itu, sejak diperkenalkan pada bulan Januari 2010, kempen ini juga mendapat sambutan yang amat baik dari pertubuhan bukan kerajaan dan pengguna. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH BAGI SURAU AT TAQWANIAH DI KAMPUNG  
PAYA JARAS HULU**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah JAIS telah mengemukakan permohonan pengambilan tanah ke Jawatankuasa Pengambilan Tanah PTG Selangor ?
- b) Apakah PDT Petaling telah menerima permohonan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JAIS telah mengemukakan permohonan untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan yang diuruskan oleh PTG Selangor. Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 29 November 2017. Sehubungan itu, permohonan Pengambilan Balik Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 kepada PTD Petaling bagi tapak tersebut telah dikemukakan pada 4 Disember 2017.
- b) Sudah. YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menimbang dan meluluskan permohonan pengambilan tanah ini kepada JAIS di bawah Seksyen 3 (1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas hak milik diisyiharkan dalam Warta Negeri Selangor, no 764 bertarikh 22 Februari 2018 untuk tujuan tapak Surau al-Taqwaniah, Kampung Paya jaras, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PENYAKIT T.B**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Kes TB semakin meningkat di Selangor. Apakah usaha KNS tentang perkara ini?
  - Sila nyatakan statistik kes penghidap dan kematian yang diakibatkan oleh kuman TB ini berbanding dgn Denggi mengikut Daerah.
  - Apakah Kempen kesedaran Rakyat tentang isu TB ini? Nyatakan?

**JAWAPAN:**

- Langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mengawal dan mencegah peningkatan kes TB ialah:
  - Mengesan awal kes melalui aktiviti saringan penyakit TB yang diadakan di semua klinik kesihatan kepada pesakit yang datang terutama dikalangan pesakit kronik seperti Diabetis, asthma, pesakit buah pinggang dan lain-lain
  - Memberi rawatan segera dan memastikan pesakit mengambil rawatan melalui sistem “DOT”.
  - Menjalani saringan penyakit TB kepada “*contact*” pesakit TB
  - “*Case detection*” antara lain melalui aktiviti *active case finding* melalui saringan di kalangan kumpulan berisiko tinggi TB di institusi seperti warga emas di pusat jagaan, penjara, pusat serenti dan lain-lain.
  - Melaksanakan audit kematian kes TB untuk mengenalpasti “*shortfall*” untuk kes kematian TB. Semua isu yang dibincangkan akan dilaksanakan penambahbaikan supaya kematian TB dapat dikurangkan.
- Statistik kes penghidap dan kematian yang diakibatkan oleh kuman TB ini mengikut daerah pada tahun 2017 di Selangor adalah seperti jadual di bawah:

<b>DAERAH</b>	<b>BIL KES 2017</b>	<b>BIL. KEMATIAN 2017</b>
GOMBAK	743	45
HULU LANGAT	1161	54
HULU SELANGOR	191	22
KLANG	734	58
KUALA LANGAT	184	22
KUALA SELANGOR	134	12
PETALING	1541	89
SABAK BERNAM	72	7
SEPANG	156	4
<b>SELANGOR</b>	<b>4916</b>	<b>313</b>

- c) Kempen Kesedaran Rakyat yang telah diadakan berkaitan TB adalah seperti berikut :
- i. Aktiviti Minggu Kesedaran TB sempena Hari TB Sedunia setiap tahun di klinik dan hospital
  - ii. Hebahan mengenai penyakit TB melalui media sosial, temuramah di radio dan televisyen dalam segmen kesihatan
  - iii. Pengedaran bahan pendidikan seperti risalah dan poster TB semasa aktiviti *active case detection* kepada masyarakat.
  - iv. Ceramah TB di tempat kerja seperti kilang, sekolah, institusi pengajian dan pejabat di mana ada/pernah ada kes TB.
  - v. Bekerjasama dengan universiti untuk meningkatkan kempen kesedaran di komuniti dan melaksanakan kajian yang berkaitan dengan penyakit TB.

**\*Maklumbalas daripada pihak JKNS**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : IMPLIKASI PEMBATALAN 9 PROJEK RUMAH SELANGORKU**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah timbul sebarang implikasi kewangan atau perundangan terhadap tindakan pembatalan 9 projek Rumah Selangorku?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B, Pemaju yang diberikan kelulusan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan Rumah Selangorku diberikan syarat agar memulakan pembinaan dalam tempoh masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan yang diperolehi.

Hasil siasatan yang dibuat oleh LPHS dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku mendapati kesemua 9 pemaju yang dicadang untuk ditarik balik kelulusan adalah kerana kegagalan pemaju memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang (KM) atau Pelan Bangunan (BP) yang sah dari Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh masa 2 tahun sepatimana yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.

Tindakan penarikan balik ini juga dimaklumkan kepada pemaju melalui **Notis Serahan Tangan** dan **Amaran Kelewatan** membina yang dikeluarkan oleh LPHS yang mana diperakui oleh jawatankuasa sebagai prosedur pemantauan Rumah Selangorku.

Untuk makluman, amaran dan notis yang mencukupi telah pun dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, tindakan untuk menarik balik kelulusan ini dijangka tidak akan memberi sebarang kelebihan kepada pemaju untuk mengambil tindakan terhadap Kerajaan Negeri seterusnya tidak menimbulkan sebarang implikasi kewangan atau perundangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : EAST COST RAIL LINE (ECRL)**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan hutan-hutan yang akan dilalui oleh jajaran projek ECRL?
- b) Apakah pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meminimumkan kemusnahan hutan-hutan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya belum ada permohonan rasmi diterima daripada pemaju/konsesi projek ECRL kepada Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri akan mendapatkan kelulusan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) dan akan membuat semakan ke atas laporan tersebut terlebih dahulu. Pihak Kerajaan Negeri juga akan mendapatkan maklumbalas daripada Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri, langkah-langkah mitigasi dan syarat-syart serta peraturan-peraturan yang akan ditetapkan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkaitan perlu dipatuhi sepenuhnya terutamanya bagi kawalan alam sekitar dan pengurangan kemusnahan hutan.

**Maklumat Tambahan :**

Berdasarkan dokumen maklumat *Environmental Impact Accessment Report (Phase 2)* mendapati bahawa pembinaan jajaran projek ECRL mengandungi beberapa jenis laluan rel iaitu terowong, bertingkat atau di atas tanah. Bagi jajaran laluan yang melalui HSK, jenis-jenis laluan rel adalah seperti berikut:

Bil	Nama Hutan Simpan	Keluasan (Ha)	Panjang Laluan (KM)	Jenis jalan
1.	HS Ulu Gombak	-	6.5	Terowong
2.	HS Templer	-	2.6	Terowong
3.	HS Serendah	-	5.0	Terowong
4.	HS Rantau Panjang	19.6	3.0	Bertingkat /Tanah
	<b>Jumlah</b>	19.6	16.1	

Nota : Penentuan keluasan kawasan bagi jenis jalan terowong (1–3) hanya dapat ditentukan melalui pelan sebenar yang perlu disediakan oleh pemaju.

Penggunaan rel terowong akan dapat menghindarkan kemusnahan hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor. Bagi laluan rel yang melalui HS Rantau Panjang adalah merupakan kawasan Ladang Hutan yang telah diberikan Permit Penggunaan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PERANCANGAN DIPIHAK PBT UNTUK MENAIKTARAF TASIK SERI AMAN (LOMBONG BUAYA)**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan dipihak PBT untuk menaiktaraf Tasik Seri Aman (Lombong Buaya) sebagai Tasik Rekreasi?

**JAWAPAN:**

- a) MPSJ telah membuat perancangan untuk menaiktaraf Tasik Sri Aman sebagai tasik rekreasi dan beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti berikut:
- 1) Pertandingan mereka bentuk pengindahan Tasik Sri Aman.
  - 2) Gotong-royong pembersihan tasik.
  - 3) Pembersihan tasik secara berkala seperti kebersihan dalam tasik cantas pokok, sapuan daun kering, potong rumput dan lain-lain.
  - 4) Bagi Perancangan jangka panjang, MPSJ akan melaksanakan kerja menaiktaraf secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PROGRAM-PROGRAM DAKWAH ISLAMIAH DI NEGERI SELANGOR**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh Kerajaan?
- b) Berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk program ini?
- c) Adakah Kerajaan berpuashati terhadap pencapaian program-program ini?

**JAWAPAN:**

- a) Aktiviti dijalankan kepada sasaran dakwah dengan pendekatan dakwah umum, dakwah penulisan, dakwah fardhiah dan dakwah bil-hal. Kesemua pendekatan dakwah ini dibuat mengikut perancangan yang dirancang buat di lapangan dan menjangkau dunia tanpa sempadan melalui media massa. Kerajaan telah melaksanakan sebanyak 57 aktiviti. Aktiviti yang dirancang ini termasuk 3 projek utama iaitu Projek Dakwah Komponen, Projek Menghidupkan fungsi Dakwah dan CSR dan Projek Masjid dan Surau "Masjid Rumah Keduaku"

Antara aktiviti dakwah yang telah kerajaan sediakan adalah:

- 1. Program menjana ummah cerdas melalui 10 Penerbitan modul Infografik Umat Cerdas
- 2. Tarjih Halatuju Dakwah
- 3. Bengkel Penulisan Karya Islami
- 4. Bengkel Dakwah Korporat
- 5. Seminar Cendekia Umat Komponen Korporat
- 6. Taklimat Khas Dakwah semasa kepada guru-guru JAIS
- 7. Daurah Kitab Klasik
- 8. Kem Smart Nuqaba' Imamah
- 9. Persidangan NGO, Negeri Selangor
- 10. Zikir Walk
- 11. Dakwah dalam Lirik
- 12. Mukhayyam Insan Tauhidik

13. Kem Kepimpinan Cerdas
14. Cendekia Umat Komponen Agensi Kerajaan
15. Majlis Perkaderan Dakwah Komponen
16. Smart OKU
17. Smart Solat
18. Daurah Remaja Negeri Selangor
19. Kem Super Aulad
20. Kem Aqil Baligh
21. Kem Konsep Mendirikan Solat
22. Dakwah Smart Partnership
23. Ithbat Hafazan
24. Infografik Dakwah Billboard
25. Terbitan Video Pendek
26. Kempen Membudayakan Al-Quran
27. Edaran CD Al-Quran
28. Iftar dan Tausiah Ramadhan
29. Selebriti Talkshow
30. Akademi Al-Quran
31. Program Akademi Pendakwah Muslimat
32. Forum Cendekia India Muslim
33. Executive Talk – Etika Dakwah Non-Muslim
34. Klinik Al-Fatihah / Tadabbur Surah Kahfi
35. Munsyid Got Talent
36. Sumbangsaran dakwah Bekas APM
37. Sumbangsaran dakwah Aktor-S
38. Bimbingan Fardhu Ain Sekolah Pekak
39. Edaran dakwah Pena Motivasi Islam
40. Dakwah melalui Facebook
41. Dakwah Melalui Radio Selangor
42. Latihan Dakwah Bil-Hal
43. Jalinan Kasih dengan Saudara Baru
44. Program hormati budaya
45. Forum Cendekia Ummat
46. Kelas Tahsin dan TarraNUM
47. Jelajah Dakwah Mesra Ummah
48. Kem Street Dakwah
49. Kem Pendakwah Muda
50. Interpersonal Dakwah Anak Kariah Masjid
51. Interpersonal Dakwah Perihatin
52. Seminar Smart ummah

- 53. Muzakarah Pendakwah
- 54. Ceramah Umum / Pidato Smart Ummah
- 55. Interpersonal Saudara Kita
- 56. Kem Cinta Rasulullah s.w.t.
- 57. Kem Smart Akidah

b) RM 2,162,800.00

c) Ya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG**  
**(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : SUASANA SELAMAT SELESA UNTUK PELABUR ASING MELABUR  
DI SELANGOR**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah Kerajaan menyediakan suasana selamat, selesa untuk para pelabur asing melabur di Selangor?
- b) Sila menyatakan faktor-faktor utama Selangor menjadi daya tarikan utama, pilihan pertama para pelabur asing?
- c) Sila menyatakan apakah prestasi cemerlang yang telah dicapai sepanjang Tahun 2017.

**JAWAPAN:**

- a) Melalui konsep mesra pelabur yang diamalkan, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pelaburan yang kondusif kepada para pelabur yang melabur di Selangor. Para pelabur yang beroperasi di Negeri sentiasa disantuni melalui program – program lawatan kilang yang dilaksanakan oleh pihak Invest Selangor dan agensi – agensi teknikal yang berkenaan.

Objektif bagi program lawatan ini bagi mewujudkan hubungan erat antara pihak Kerajaan Negeri dengan para pelabur yang beroperasi di Selangor. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri juga dapat meninjau permasalahan yang dihadapi oleh para pelabur dan membantu untuk menyelesaiannya.

Bagi menyediakan kawasan perindustrian yang lebih selesa, selamat dan lebih terurus, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mewujudkan Industrial Park Management Committee (IPMC) yang bertindak bagi membincangkan dan menyelesaikan isu – isu penyelenggaraan kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pihak pelabur.

Dalam perancangan untuk mewujudkan kawasan perindustrian yang lebih kondusif dan terurus dimasa hadapan, Kerajaan Negeri telah meluluskan Cadangan Pembangunan Kawasan Perindustrian Berkonsepkan ‘Manage Industrial Park’ di

Negeri Selangor. Melalui cadangan konsep pengurusan kawasan industri ini, pihak pemaju kawasan perindustrian bukan sahaja akan membangunkan kawasan tersebut, tetapi pemaju juga akan mewujudkan Industrial Park Manager bagi mengurus senggara kawasan perindustrian tersebut.

Objektif utama bagi cadangan pembangunan kawasan perindustrian berkonseptan “Managed Industrial Park” ini adalah seperti berikut; -

- i. Menangani isu – isu penyelenggaraan kawasan perindustrian;
- ii. Menyediakan lokasi pelaburan yang lebih kondusif dengan kemudahan infra serta persekitaran yang baik;
- iii. Mempromosikan serta menggalakkan pembangunan di kawasan – kawasan perindustrian luar bandar; dan
- iv. Mengurangkan beban dan tanggungan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian.

Selain itu, cadangan pembangunan kawasan perindustrian berkonseptan “Managed Industrial Park” ini adalah sebagai langkah untuk penjenamaan semula kawasan-kawasan perindustrian baru yang akan dibangunkan bagi meningkatkan prestasi pelaburan di negeri Selangor.

b) Antara faktor – faktor utama Selangor menjadi daya tarikan utama, pilihan para pelabur asing seperti berikut; -

- i. Faktor kestabilan politik – polisi pelabur yang konsisten.
- ii. Kebanyakan pekerja tempatan yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris memudahkan komunikasi dengan pihak pelabur.
- iii. Polisi pelaburan yang mesra pelabur
- iv. Kemudahan infrastruktur
- v. Keselamatan
- vi. Persekutuan kediaman yang selesa dan kemudahan pembelajaran bagi anak-anak Expatriate.

c) Antara prestasi cemerlang yang dicapai sepanjang tahun 2017 yang melibatkan sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan adalah seperti berikut; -

#### 1. Statistik Pelaburan

Berdasarkan statistik projek – projek perkilangan yang diluluskan oleh Lembaga Penggalakkan Pelaburan Malaysia (MIDA), bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, Negeri Selangor telah mendahului negeri-negeri lain

dari segi bilangan projek perkilangan yang telah diluluskan, dimana sejumlah 202 projek perkilangan, dengan nilai pelaburan bernilai RM 5.592 bilion telah diluluskan. Dari jumlah ini sebanyak RM 3.428 bilion adalah daripada pelaburan tempatan (DDI) dan sebanyak RM 2.164 bilion daripada pelaburan asing (FDI). Sebanyak 10,031 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan di Negeri Selangor.

Daripada 202 projek yang diluluskan, sebanyak 104 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM 2.566 bilion dan sebanyak 98 merupakan projek pengembangan pelaburan atau penambahan pelaburan bernilai RM 3.027 bilion.

Statistik pelaburan ini menunjukkan para pelabur selesa dan yakin dengan dasar pentadbiran Negeri untuk mereka terus melabur dan membuat penambahan pelaburan di Negeri Selangor.

Selaras dengan trend sektor perindustrian di peringkat global yang sedang beralih kepada Industri 4.0, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama iaitu; -

- Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics)
- Peralatan Pengangkutan / (Transport Equipments)
- Sains Hayat / (Life Sciences)
- Makanan dan Minuman / (Food & Beverages Industries)
- Mesin dan Peralatan / (Machinery & Equipments)

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti; -

- E - Commerce
- Bio - Teknologi
- Aero - Angkasa
- Industri Halal

Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan secara e-dagang, sains dan teknologi bio serta aero angkasa.

## **2. 1st Selangor International Business Summit 2017**

Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya menganjurkan Selangor International Business Summit 2017 (SIBS) pada 7 hingga 17 September 2017 yang lalu. Sidang kemuncak yang berlangsung selama 10 hari ini telah dibahagikan kepada tiga segmen utama dan berjaya menarik minat lebih 22,071 orang pengunjung dan 3,500 peserta seminar yang terdiri dari dalam dan luar negara. 691 penyertaan ruang pameran telah diisi oleh syarikat dan organisasi dari Malaysia, ASEAN, China, Jepun, Rantau Timur Tengah, Benua Afrika, Eropah dan Amerika Utara.

Persidangan pula mencatat kejayaan untuk mengangkat Selangor sebagai launching pad bagi memajukan keusahawanan ASEAN, manakala, Expo Antarabangsa telah berjaya menjana potensi nilai transaksi sebanyak RM 204.2 juta.